



# TEKS UCAPAN

**PROF. DATO' DR ASMADI BIN MOHAMED NAIM  
NAIB CANSOLOR**

---

**MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL BAHASA JIWA BANGSA  
BERSEMPENA DENGAN DEKAD BAHASA KEBANGSAAN DAN  
DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI KEDAH**

**9:00 pagi**

**25 September 2023  
(Isnin)**

**Perpustakaan  
UniSHAMS**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العلمين. والصلاة والسلام على رسوله الأمين.

وعلى آله وصحبه أجمعين. أما بعد:

(Bismillahirrahmannirrahim,  
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin,  
Was-solatu was-salamu 'ala Rasulihil-amin,  
Wa'ala aalihi wasohbihi ajma'in.. : amma ba'du)

### Salurtasi

**Yang Berusaha Saudara/i Pengerusi Majlis;**

**Yang Berbahagia Tuan Haji Md Johari Hasan**

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

**Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Abdul Aziz bin Tajuddin**

Naib Canselor dan Presiden Albukhary International University (AIU)

**Yang Berusaha Munsyi Mohd Salleh bin Haji Hassan**

Ketua Nazir Negeri Perlis,

Kementerian Pendidikan Malaysia

**Yang Berusaha Encik Armin Azhari Bin Saleh**

Pengarah DBP Wilayah Utara

**Yang Berusaha Tuan Haji Abu Hassan bin Morad**

Ketua Satu Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (ASASI)

**Yang Berusaha Encik Mohamad Puzi bin Abdul Hadi**

Presiden Pertubuhan Sanggar Warisan Budaya Melayu Kedah (SWADAYA)

Seterusnya,

Dialu-alukan Tuan-tuan, Puan-Puan, Pegiat-Pegiat Bahasa dan Sastera, Peserta-Peserta Festival, Barisan Urusetia dan Saudara-Saudari Sekalian.

Asslamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,**

1. Saya berkeyakinan dengan adanya majlis perasmian PROGRAM FESTIVAL BAHASA JIWA BANGSA ini, ia akan meningkatkan kesedaran generasi tentang kepentingan Bahasa Melayu dan budaya membaca dalam kalangan mesyarakat selaras dengan Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Oleh itu, program yang dianjurkan ini sekaligus akan memberikan pendedahan kepada pelbagai pihak dan masyarakat khususnya mahasiswa/wi UniSHAMS.

**Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,**

2. Sehingga kini pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk meletakkan bahasa Melayu di tempatnya. Antaranya ialah dengan pelaksanaan Dekad Bahasa Kebangsaan (DBK) setiap tahun. Dekad Bahasa Kebangsaan merupakan suatu program yang memfokuskan kepada kempen mencintai bahasa Melayu, dipelopori penganjurannya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Tujuannya untuk mendidik masyarakat agar dapat menyemarakkan, memartabatkan serta mendaulatkan bahasa kebangsaan dalam pelbagai aspek dan bidang ke arah kelestarian bahasa Melayu di Malaysia.
3. Memartabatkan bahasa Melayu bermaksud meletakkan bahasa Melayu pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya dan haknya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia. Mendaulatkan Bahasa Melayu pula bermakna menyanjung dan menghormati bahasa Melayu, menjadikannya berkuasa dan berwibawa. Tanggungjawab ini tidak seharusnya diletakkan kepada DBP sahaja, sebaliknya ia menjadi peranan dan tanggungjawab semua pihak. Kitalah yang dapat menjadikan bahasa Melayu tonggak kepada proses pembentukan negara bangsa dan ia terus kekal sebagai bahasa ilmu, bahasa intelektual, bahasa sastera serta juga bahasa pentadbiran. Di UniSHAMS, kita sentiasa mendahului bahasa Melayu dalam urusan seharian selain penggunaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab sebagai bahasa penghantar kedua.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

4. Jika tidak kita sendiri sebagai warganegara Malaysia mendaulatkan bahasa kebangsaan kita, siapa lagi yang boleh kita harapkan. Amat menyedihkan sekiranya warganegara Malaysia sendiri yang merendahkan martabat bahasa kebangsaan. Sedangkan, tanpa kita sedari ramai orang asing yang berminat untuk mempelajari bahasa Melayu kerana merasakan ianya suatu bahasa yang unik dan mudah untuk dipelajari dan dituturkan.
5. Terdapat banyak negara di dunia ini yang telah membuktikan mereka boleh maju dan kehadapan setanding negara barat, walaupun hanya dengan bahasa ibunda mereka sendiri. Oleh itu, marilah kita mencontohi negara-negara yang seperti ini dan bersama-sama menyokong hasrat dan usaha kerajaan dalam memartabatkan bahasa Melayu dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul agar bahasa kita sentiasa dipandang tinggi. Gunakanlah bahasa yang baik dalam kehidupan seharian kita sama ada dalam perbualan mahupun dalam penulisan. Setiap sumbangan kita dalam memartabatkan dan mendaulatkan bahasa Melayu mampu memberi impak besar terhadap perkembangan bahasa Melayu. Dengan adanya sokongan semua pihak, bahasa Melayu mampu berdiri seiring dengan cabaran semasa.
6. Saya yakin dengan adanya program ini akan memartabatkan lagi bahasa Melayu di persada dunia. Di pihak UniSHAMS sentiasa menyokong usaha ini dengan pelbagai bentuk kerjasama yang akan datang.
7. Sehubungan dengan itu, saya dengan lafaz بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ merasmikan Festival Bahasa Jiwa Bangsa bersempena dengan Dekad Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri Kedah serta melancarkan buku penulis utara Terbitan DBP berjudul antologi Cerpen Tabung ke Neraka dan Buku Bersiri Kisah di Belukar Luas.

8. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

----- TAMAT -----

Disediakan oleh:

Perpustakaan,  
UniSHAMS

24 September 2023